كمنترين حال احوال اݢام

# داسر ٢

# كمنترين حال احوال اݢام

# DASAR-DASAR KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



Edisi Pertama

# DASAR-DASAR

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Edisi Pertama

Terbitan

Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2017

**Hak Cipta Terpelihara.** Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada

Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan,

Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dokumentasi dan Diterbitkan oleh:

**Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan**

**Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**Negara Brunei Darussalam**

**ISBN 978-99917-45-57-2**

Dicetak oleh:

Jabatan Percetakan Kerajaan

Jabatan Perdana Menteri

Negara Brunei Darussalam

بسم الله الرحمن الرحيم

# PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمدلله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف المرسلين سيدنا محمد
وعلى أله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, dengan izin dan rahmatNya jua, buat pertama kalinya Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan berjaya menyusun dan menerbitkan Buku Dasar-Dasar Kementerian Hal Ehwal Ugama, Edisi Pertama.

Tujuan utama buku ini diterbitkan adalah sebagai bahan panduan dan rujukan bagi semua peringkat warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing agar lebih fokus dan terarah untuk mencapai visi dan misi Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui pelaksanaan lapan (8) strategi dasar.

Adalah diharapkan agar warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat memanfaatkan sepenuhnya buku ini dengan menggandakan usaha dan memberi sepenuh perhatian dalam pelaksanaannya. Mudah-mudahan segala usaha berkebajikan yang kita laksanakan akan sentiasa mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala jua.

**DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD AZIZ BIN ORANG KAYA MAHARAJA LELA HAJI YUSSOF**
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

# داسر ٢
# كمنترين حال احوال اڬام

# DASAR-DASAR
# KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

## VISI

Memperkasa kerasmian dan amalan ugama Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna bagi mencapai Negara Zikir dan

بلدة طيبة ورب غفور

(Negara Yang Aman Ma'mur Dan Tuhan Yang Maha Pengampun)

## MISI

Mendukung dan memelihara ugama Islam dan kerasmiannya serta memperkembangkannya melalui dasar-dasar dan pentadbiran yang berkesan dan dinamik bagi pembangunan dan kesejahteraan Negara berdasarkan hukum Syara', Perlembagaan, Undang-Undang dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja

## DASAR KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Mempertahankan dan mengembangkan ugama Islam serta memelihara kesejahteraan Negara Brunei Darussalam

## HALUAN DASAR

Menjadikan *Maqasid Al-Syariah* sebagai pegangan dalam memelihara ugama dan aqidah umat Islam melalui strategi-strategi dasar



# PENDIDIKAN

- Memperkasa sistem pendidikan ugama di semua institusi pendidikan ugama
- Memastikan pelaksanaan  Akta Pendidikan Ugama Wajib, Penggal 215
- Meningkatkan kuantiti dan kualiti pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang ilmu umum dan keugamaan
- Mengutamakan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran
- Memperkukuh penghayatan berugama dikalangan pelajar dan pengajar





# DAKWAH DAN SYIAR

- Meraikan, membesarkan dan menyebarkan dakwah melalui majlis sambutan hari-hari kebesaran Islam
- Memberikan pengetahuan, kesedaran dan penghayatan berugama melalui media dakwah mengikut perkembangan semasa
- Membudayakan pembacaan Al-Quran sebagai amalan hidup
- Meningkatkan kualiti kehidupan berugama masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam
- Meningkatkan kefahaman ajaran Islam kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam





# HAJI DAN UMRAH

- Meningkatkan kesempurnaan pengurusan dan bimbingan ibadat haji dan umrah umat Islam

- Mewujudkan dasar dan peraturan pengelolaan haji yang lebih efektif





# ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL

- Meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai zakat; waqaf; dan baitulmal

- Meningkatkan kecekapan pengurusan zakat; aset-aset waqaf; dan baitulmal

- Meringankan bebanan fakir miskin dan mengeluarkannya dari kepompong kemiskinan





# MASJID

- Masjid sebagai pusat ibadah, perkembangan ilmu, kegiatan kebajikan dan kemasyarakatan

- Menguatkuasakan garispanduan pembinaan masjid mengikut rekabentuk yang memenuhi fungsi





# UNDANG-UNDANG

- Menyesuaikan Undang-Undang Brunei dengan kehendak Hukum Syara’

- Menggubal undang-undang yang selaras dengan Hukum Syara’

- Melaksanakan undang-undang Islam melalui penguatkuasaan dan pendakwaan bagi kesalahan yang diperuntukkan dalam undang-undang Islam yang berkaitan

- Mengawal kebenaran mengajar ugama Islam dari kalangan rakyat tempatan dan luar negara





# SYARIAH

- Memperkukuh institusi keluarga dan melaksanakan undang-undang yang berkaitan

- Mengawal umat Islam daripada isu sosial yang boleh mendatangkan kesan-kesan negatif

- Menjaga keutuhan pegangan umat Islam di Negara Brunei Darussalam daripada anasir-anasir yang boleh membawa kepada perselisihan (*khilafiah)*

- Menjalankan penyelidikan terhadap mana-mana aliran, fahaman, ajaran, amalan dan kegiatan-kegiatan berugama yang bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan seterusnya mengharamkannya sekiranya ianya didapati adalah ajaran yang salah.





# Strategi Dasar

- Memastikan pemakanan dan barang gunaan di Negara Brunei Darussalam adalah halal

- Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan dan kesan halal dan haram dalam pemakanan dan barang gunaan





# PENTADBIRAN

- Menghasilkan sumber manusia yang kompeten dan produktif

- Menghasilkan tenaga pakar dalam pelbagai bidang

- Mewujudkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang sistematik dan dinamik

- Menyediakan perkhidmatan dan pengurusan kewangan yang berkualiti

- Mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Am, Peraturan Kewangan dan yang berkaitan dengan perkhidmatan awam





Dokumentasi oleh:

Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Negara Brunei Darussalam